

**PM Sasar ECER Alami Lonjakan Dalam Lima Tahun
Bernama
7 Sept, 2013**

KUANTAN, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyasarkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan melalui tempoh lonjakan dalam lima tahun akan datang ke arah mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi di wilayah itu.

Beliau berkata dalam tempoh lima tahun berkenaan, pembangunan asas dan infrastruktur telah diwujudkan di wilayah itu yang sehingga kini berjaya menarik pelaburan bernilai RM50 bilion.

"Saya yakin bahawa sasaran ECER untuk menarik masuk RM110 bilion pelaburan menjelang 2020 mampu dicapai," kata beliau ketika berucap pada majlis makan malam ulangtahun kelima ECER di sini malam Sabtu.

Najib berkata bagi memastikan pembangunan ECER berjalan seperti dirancang, sebanyak RM6.6 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan 111 projek di wilayah itu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan ke-10.

Perdana Menteri berkata dalam tempoh lima tahun ini, ECER berjaya mewujudkan 40,000 peluang pekerjaan dan telah menghasilkan kesan ekonomi yang telah berjaya memacu transformasi pelbagai lapisan masyarakat.

"Antara pelabur yang melabur di ECER ialah Kaneka Group, CJ CheilJedang, BASF PETRONAS dan Volkswagen.

"Taman Perindustrian bertaraf dunia yang ada di ECER pula antara lain ialah Kompleks Biokimia Bersepadu Gebeng, Taman Automotif Pekan, Taman Industri Halal Gambang dan Taman Industri Berat Kemaman," kata beliau.

Najib berkata beliau telah menetapkan dua garis panduan iaitu ECER perlu memberi faedah kepada rakyat menerusi Gagasan 1Malaysia dan kedua perlu memfokuskan kepada kepada kawasan yang tidak terlalu luas.

Perdana Menteri berkata program Empower ECER pula telah memberi faedah kepada 22,000 rakyat tempatan dan peserta program itu ada yang mampu menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan.

Beliau berkata projek agropolitan contohnya, turut melibatkan keluarga miskin dan masyarakat Orang Asli.

Najib berkata tonggak kejayaan ECER adalah kerjasama antara ECER dan kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha memastikan seluruh negara bergerak seiring menjadi negara maju menjelang 2020.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976023>

